



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Terokai Dunia Perniagaan Digital

Najdah Abd Aziz¹, Noor Fadhiha Mokhtar², Safiek Mokhlis², Zuha Rosufila Abu Hasan²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU, Kampus Kuala Terengganu, Malaysia

² Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, Malaysia

*Email Penulis: najda329@uitm.edu.my

Pada 25 September 2022, satu seminar keusahawanan telah diadakan bertempat di Bilik Seminar, Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial, UMT dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Siti Falindah Padlee, Ketua Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) UMT. Seminar ini adalah salah satu program dibawah **Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS)**, usahasama UMT dan UiTMKKT. Seminar ini dihadiri oleh usahawan-usahawan dari pelbagai agensi seperti FAMA, Usahanita Terengganu, YPU dan juga orang perseorangan. Tujuan utama seminar ini adalah untuk meningkatkan pendedahan dan pengetahuan usahawan-usahawan di negeri Terengganu terhadap kepentingan untuk menguasai teknik pemasaran digital dalam meluaskan pasaran perniagaan masing-masing. Disamping itu, objektif khusus seminar ini juga adalah:

- i. Menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan usahawan-usahawan wanita dan usahawan FAMA khususnya di negeri Terengganu.
- ii. Memberi pendedahan berkaitan teknik pemasaran digital yang efektif, relavan dan praktikal kepada komuniti
- iii. Memberi pendedahan kepada komuniti tentang keusahawanan digital, seterusnya membolehkan mereka memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka – selaras dengan agenda ekonomi digital negara.
- iv. Mengenalpasti tahap penguasaan komuniti dalam dunia perniagaan digital menerusi kajian impak yang akan dijalankan oleh para penyelidik.
- v. Mencadangkan perancangan ke arah 'Usahawan Celik Digital' menerusi program-program yang bersesuaian pada masa akan datang.

Justeru, para penyelidik khususnya dalam bidang perniagaan dan pemasaran digital daripada Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), UMT dan Universiti Teknologi MARA, Kuala Terengganu bersama-sama membantu komuniti dalam mendorong mereka memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi digital bagi tujuan pembangunan

sosial dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Antara intipati seminar adalah penerangan secara jelas mengenai perkara berikut:

- i. Cipta kreativiti melalui idea pemasaran
- ii. Kenali kehendak pelanggan
- iii. Ketahui dunia perniagaan digital
- iv. Teknik Pemasaran Melalui Media Sosial seperti Facebook, Instagram dan Tiktok
- v. Teknik Pemasaran Melalui Whatsapp
- vi. Tangani ancaman keselamatan siber

Disamping itu, pelbagai aktiviti berkumpulan turut dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kreativiti usahawan yang mana mereka dapat aplikasikan didalam urusan perniagaan masing-masing. Secara tidak langsung usahawan dapat berkenalan antara satu sama lain dan ini penting bagi memperluaskan lagi jaringan perniagaan dikalangan usahawan. Usahawan juga berpeluang menjual hasil produk masing-masing dan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Selain dari itu, pihak penganjur juga menjemput dua wakil usahawan berjaya bagi berkongsi pengalaman dan ilmu keusahawanan kepada peserta. Mereka adalah En Azri bin Mamat dari Qumberland Group dan Puan Rosmawati Busu dari Syarikat Melati Mekar Food Industries Sdn.Bhd. Pengalaman dan ilmu yang dikongsikan sangat bermakna dan meransang para usahawan untuk terus berjuang didalam dunia perniagaan.

Secara kesimpulannya, seminar ini dapat menyebarkan manfaat ekonomi digital kepada usahawan-usahawan dan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan secara digital dan seterusnya berpotensi untuk menembusi pasaran global. Ini penting untuk menghadapi cabaran dunia digital pada hari ini supaya lebih berdaya saing dalam pembangunan ekonomi berasaskan teknologi.



Rajah 1 Para peserta bersama penganjur



Rajah 2 Aktiviti berkumpul: Mencipta kreativiti



Rajah 3 Pembentangan berkumpul

Rujukan

- [1] M. Y. Zulhafizi, and T. Zurinah, 'Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia', *Jurnal Wacana Sarjana*, Volume 5(1) January 2021: 1-13; e-ISSN 2600-950.
- [2] M. A. Intan, 'Perniagaan Bukan Pilihan Kerjaya Terakhir', in *Dewan Masyarakat* Feb 2022, pp. 2. <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/k/artikel/pendidikan/page/2/>